

BAB SATU

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Tidak dapat dinafikan betapa kompleksnya proses memupuk perpaduan nasional dalam sesuatu masyarakat berbilang kaum. Proses yang dimaksudkan mencuba menyatupadukan golongan-golongan yang berlainan latar belakang sosio-budayanya ke dalam sebuah entiti yang kukuh.

Kita perlu menerima hakikat bahawa sejarah telah mencorakkan keadaan dan sikap penduduk Malaysia yang pelbagai bangsa. Hakikat ini wujud kerana dasar penjajah Inggeris yang membuka pintu, dengan membawa masuk buruh-buruh asing, sebahagian besarnya dari tanah besar China dan negara India, dan kaum-kaum ini telah dibiarkan tinggal terpisah dalam sektor ekonomi yang mereka garap. Pada umumnya mereka tinggal di bandar-bandar atau di estet-estet yang tidak mendorong hubungan akrab dengan kaum Melayu. Begitu juga dengan sistem pentadbiran Inggeris yang dikenali sebagai 'dasar pecah dan perintah', secara tidak langsung telah mewujudkan dan melanjutkan suasana hidup berasingan yang kurang sihat itu.

Tidak hairanlah kalau soal perpaduan menjadi persoalan pokok dalam masyarakat Malaysia. Memang pada mulanya soal perpaduan tidak dianggap sebagai suatu soal yang penting. Pada masa, itu orang-orang Cina yang datang hanya sebagai pedagang, manakala orang-orang India pula, bekerja di estet-estet.

Dengan ketibaan Portugis, Belanda dan Inggeris, faktor-faktor baru telah muncul dalam kehidupan orang-orang di Tanah Melayu. Sudah semestinya masyarakat berubah dengan begitu radikal dan ketara. Akibat penghijrahan orang-orang pendatang, terutama sekali pada zaman penjajahan British, masyarakat umum di negara ini tidak lagi bersifat homogeneous. Sebaliknya, masyarakat itu telah menjadi majmuk dan berbilang kaum.

Andainya tidak ada perpaduan yang utuh, dan tiap kaum pula tidak dapat memahami isi hati kaum yang lain, aspirasi dan hasrat masing-masing, tentulah matlamat pengintegrasian nasional tidak dapat disempurnakan.

Dalam hubungan inilah, Penyata Rahman Talib (1960) memperakukan bahawa sistem pendidikan yang disyorkan dalam Penyata Razak diterus dan dipertingkatkan. Penyata ini dijadikan asas untuk menggubal Akta Pelajaran 1961. Hasrat Akta Pelajaran 1961 adalah seperti yang berikut:

Bahawasanya dasar pelajaran seperti yang diisyiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya.
(Pukal Latihan KBSM, hlm. 2)

Corak pendidikan yang bagaimanakah yang dihasratkan dalam Akta Pelajaran 1961? Jelaslah di sini bahawa sistem pendidikan negara ingin memberi tumpuan khusus kepada faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum etnik serta budaya yang mempunyai bahasa-bahasa tersendiri haruslah bersatu ke arah membangunkan negara Malaysia secara menyeluruh. Lantaran itu kita perlu satu intipati pendidikan agar pelbagai kaum dapat bekerjasama untuk membangunkan negara Malaysia. Demi mencapai hasrat ini, pendidikan pelbagai budaya merupakan satu strategi yang membolehkan pelbagai kaum di negara ini saling memahami budaya masing-masing dan seterusnya menanamkan rasa cinta terhadap negara Malaysia.

Konsep integrasi nasional terilham secara lebih sedar setelah meletusnya peristiwa hitam 13 Mei 1969. Peristiwa kekacauan kaum pasca pilihanraya ini menyebabkan jurang perpaduan kaum menjadi satu isu negara yang perlu diselesaikan segera. Bolehlah dikatakan penumpuan perhatian terhadap proses menyatupadukan rakyat di negara ini bermula dengan berlakunya tragedi hitam pada 13 Mei 1969. Setelah timbul kesedaran itu, Falsafah Pendidikan Negara digubal untuk dijadikan panduan bagi mewujudkan perpaduan rakyat. Disusuli dengan Rukunegara pada tahun 1970:

- mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat.
- menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak.
(Pukal latihan KBSM, hlm. 3)

Ini bererti negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum harus disatukan di bawah satu bumbung pendidikan yang berteraskan pelbagai budaya untuk mencapai perpaduan yang lebih erat. Masyarakat yang berbilang kaum di negara ini perlu memahami tradisi-tradisi kebudayaan kaum lain yang kaya dan pelbagai corak. Untuk mencapai matlamat ini, pendidikan pelbagai budaya merupakan satu-satunya alat yang penting untuk mewujudkan integrasi nasional. Keutuhan perhubungan kaum inilah yang akan menghalang peristiwa 13 Mei berulang kembali.

Pendidikan pelbagai budaya diharap dapat menggalakkan persefahaman di kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan seterusnya dapat pula melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu di Malaysia. Kita perlu berpegang kepada Falsafah Pendidikan Negara yang berbunyi:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan

berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Pukal Latihan KBSM, hlm. 8)

Pendidikan pelbagai budaya merupakan satu aspek pendidikan yang penting bagi merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara, kerana ia bukan sahaja memberi pengalaman baru kepada pelajar-pelajar, bahkan dalam masa yang sama juga membolehkan pelajar-pelajar peka terhadap budaya orang lain. Hasrat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dengan adanya persefahaman di kalangan pelajar inilah hubungan pelbagai kaum di negara ini dapat dieratkan, dan seterusnya dapat melahirkan individu yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Penekanan terhadap pendidikan pelbagai budaya bukan sekadar memberi pengalaman baru kepada pelajar-pelajar, tetapi juga membantu pelajar-pelajar memahami sesuatu budaya dalam konteks yang lebih luas. Ini ditegaskan oleh Gollnick dan Chinn (1990):

An educational goal is to help students value cultural differences while realizing that individuals across cultures have many similarities. (hlm. 2)

Montaldo (1978) pula, menegaskan tujuan pendidikan pelbagai budaya ialah:

...the goal was to make the dominant majority populations more tolerant and accepting toward first- and second-generation immigrants in order to maintain national unity and social control. (hlm. 28)

Jelaslah kepada kita bahawa untuk mencapai integrasi nasional, pihak majoriti haruslah memahami dan menghargai sumbangan pihak minoriti. Persefahaman ini akan mendorong kaum majoriti lebih mengamalkan sikap toleransi dan menerima budaya, nilai dan pegangan hidup kaum-kaum lain, khususnya kaum minoriti.

Sebagaimana yang disebut tadi, masyarakat Malaysia sememangnya kompleks, yakni terdiri daripada berbagai kaum, berbagai budaya, berbilang agama, dan berbilang bahasa. Ahli-ahli masyarakat menghadapi suatu cabaran besar, iaitu melahirkan negara yang bersatu padu untuk merealisasikan Wawasan 2020. Cabaran ini disuarakan oleh Safiah Osman yang memetik kata-kata bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang; Lee Lam Thye yang telah menegaskan bahawa:-

As a country of many races, cultures, religions and language, Malaysia, is indeed, unique in proving how our diversities could be united and harnessed for nation-building. Still one of the foremost challenges we are facing, especially in our efforts to realize Vision 2020 is how to build a united Malaysia. (hlm. 5)

Bahan Kurikulum

Bahan kurikulum memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pemikiran pelajar dan arah pendidikan yang diinginkan oleh sistem pendidikan. Rosenberg (1973) mengemukakan pendapatnya bahawa bahan-bahan kurikulum mempengaruhi pelajar melalui cara mereka melihat diri dalam kumpulan sosial mereka dan dalam cara mereka berfikir tentang peranan dan masa depan.

Pendidikan pelbagai budaya perlu dilihat sebagai sesuatu yang dapat melahirkan masyarakat yang saling memahami dan saling menghormati. Diharapkan pendidikan corak ini lama kelamaan mampu menghapuskan prejedis dan diskriminasi yang sememangnya suatu penyakit sosial yang selalu melanda setiap masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang bangsa. Pendidikan pelbagai budaya adalah komponen penting dalam kurikulum yang dapat mendorong hubungan baik di antara kumpulan-kumpulan yang terdapat dalam masyarakat. Ini dijelaskan oleh Gollnick (1990) bahawa pendidikan pelbagai budaya sebagai:

Concepts that describe the relationships and interactions among individuals and groups are essential to understanding and working effectively with different cultural groups. These concepts includes an understanding of racism, sexism, prejudice, discrimination, oppression, powerlessness, power, inequality, equality, and stereotypes. (hlm. 31)

Banks (1988) pula, menegaskan program pendidikan pelbagai budaya dapat membantu pelajar-pelajar mempertingkatkan kemahiran dalam berkomunikasi dengan komuniti lain walaupun mereka bukan berasal daripada komuniti tersebut. Perlu ditegaskan di sini bahawa hanya dengan memahami budaya orang lain yang merentasi konsep ras, prejedis, kuasa, keadilan, stereotaip, diskriminasi dan sebagainya barulah seseorang itu berupaya memahami budaya masyarakat lain. Dengan adanya pendedahan yang sebegini, akan mendorong kepada perpaduan nasional di negara ini.

Peranan Buku Teks

Apabila membincangkan soal perpaduan kaum dan integrasi nasional, adalah penting bagi kita meninjau buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah. Kita perlu menerima hakikat bahawa buku teks sekolah sedikit sebanyak akan menentukan apa yang akan dipelajari oleh pelajar-pelajar. Buku teks sekolah harus mempunyai isi yang mampu memberi pendedahan yang mencukupi kepada pelajar-pelajar untuk menimba ilmu. Adalah penting untuk diselidiki sama ada buku teks yang digunakan itu memberi pendedahan yang cukup terhadap pendidikan pelbagai budaya.

Integrasi antara kaum harus dipupuk, dan proses pengintegrasian pula dapat dipupuk dengan mengutamakan

perkembangan ciri-ciri sosio-budaya yang sama. Bahasa Melayu adalah satu-satunya alat penting dalam proses integrasi kaum. Ciri-ciri sosio-budaya yang dikehendaki itu akan lebih mudah dijalankan melalui penggunaan Bahasa Melayu secara luas dalam komunikasi hari-hari, pengajian, kesusasteraan dan lain-lain bidang.

Pearce (1983) dengan tidak ragu-ragu menegaskan bahawa buku teks merupakan satu alat yang paling berkesan untuk meningkatkan mutu akademik para pelajar. Walaupun buku-buku teks mendapat saingen hebat daripada teknologi moden seperti radio, televisyen, pita rakaman dan alat-alat pengajaran yang lain, keberkesanannya tidak dapat diragukan.

Kepentingan buku teks dalam menyalurkan pendidikan pelbagai budaya juga telah dikemukakan oleh Lemmond (1965) melalui kajiannya yang menganalisis orientasi sistem nilai dalam buku teks pengajian sosial. Beliau berpendapat buku teks dapat menyalurkan sistem nilai sesuatu masyarakat kepada generasi baru.

Hussein Ahmad (1985) menegaskan bahawa fungsi utama buku teks adalah sebagai bahan rujukan dalam proses pengajaran dan pemelajaran seseorang pelajar, baik di sekolah mahu pun di rumah. Oleh itu, buku teks yang baik mestilah dapat berfungsi sebagai bahan pengajaran guru di samping dapat memperkuuh keyakinan para pelajar terhadap bidang ilmu pengetahuan yang dipelajari.

Saedah Siraj (1990) yang mengkaji isu gender telah menganalisis 149 cerita dan 190 gambar dalam buku teks Bahasa Melayu tahun dua hingga tahun enam menegaskan:

The textbook is considered a fundamental tool in the Malaysian school system. Textbooks provide teachers with guidelines and content to teach in the classroom. (hlm. 31)

Jelaslah di sini bahawa buku teks memainkan peranan yang penting dalam konteks pendidikan di Malaysia. Buku teks akan memberi garis panduan dan memandu guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pemelajaran di bilik darjah. Peri mustahaknya buku teks telah pun dijelaskan dalam Laporan Keciciran, Kementerian Pelajaran (1973) yang menyatakan buku teks merupakan satu penentuan yang penting terhadap pencapaian pelajar-pelajar.

Tanner (1988) menjelaskan buku teks merupakan salah satu daripada bahan pengajaran dan pemelajaran yang utama dalam bilik darjah. Walaupun pelbagai bentuk sumber atau alat bantuan terus berkembang dalam zaman teknologi media elektronik, tetapi buku teks masih kekal sebagai sumber asas mencapai matlamat kurikulum.

Guthrie (1983) membincangkan nilai-nilai dalam buku teks menegaskan bahawa buku-buku itu merupakan saluran transmisi budaya dan nilai-nilai masyarakat yang seterusnya berupaya memupuk persefahaman di kalangan penduduk. Dengan itu barulah masyarakat yang berbilang

kaum bersedia melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup. Ini termasuklah sifat-sifat seperti bermuafakat, rajin, dan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat. Menyedari betapa pentingnya pendidikan pelbagai budaya dan kurangnya penyelidikan terhadap bidang ini, maka penyelidik ingin mengkaji unsur-unsur budaya pelbagai kaum yang terdapat di negara ini dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.

Tujuan Kajian

Dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan suku kaum yang cukup unik ini sudah tentu lahir satu rupa bentuk kebudayaan yang tersendiri. Tidak ada sesiapa pun boleh menafikan bahawa kebudayaan itu amat penting bagi seseorang atau sesuatu masyarakat. Sukar untuk mengenali seseorang, sesuatu kumpulan atau suatu komuniti dari satu-satu masyarakat itu melainkan melalui kebudayaannya. Misalnya kita boleh memahami cara hidup satu kaum atau suku kaum yang lain di negara kita sendiri baik Melayu, Cina, India, Iban, Murut, Kadazan, Melanau, Kenyah dan lain-lain lagi melalui pemerhatian terhadap uniknya kehidupan mereka.

Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang telah diadakan pada Ogos, 1971 mengetengahkan konsep keperibadian dan

penyatuan negara. Ini bermakna masyarakat Malaysia, yang berbilang kaum dan kebudayaan, perlu menyedari bahawa bagi menjamin kestabilan, kesejahteraan dan kekekalan negara, suatu kebudayaan nasional perlu diterima oleh semua kaum dan keturunan. Justeru itu kerajaan telah menetapkan dasar Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berlandaskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan, dan Islam adalah agama rasmi negara ini.

Dengan itu, kajian ini adalah untuk melihat cerminan budaya yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Tinjauan akan menjurus kepada budaya ketiga-tiga kaum yang terbesar di Malaysia, iaitu unsur-unsur budaya orang Melayu, unsur-unsur budaya orang Cina, dan unsur-unsur budaya orang India. Menerusi pendidikan pelbagai budaya sahajalah semua kaum atau bangsa akan saling memahami serta benar-benar menghayati cita-cita dan hakikat kepelbagaian yang serba unik itu. Diharapkan menerusi pendidikan pelbagai budaya, masyarakat Malaysia seluruhnya akan memahami isi hati, nilai, permasalahan dan visi setiap kaum di negara ini dalam rangka pembinaan dan pemantapan perpaduan nasional.

Pengkaji juga ingin melihat unsur budaya lain-lain kaum yang terdapat di Malaysia, seperti budaya Baba dan Nyonya, dan budaya orang Sikh. James P.Ongkili (1984)

dalam kertas kerjanya menyatakan di negeri Sarawak sahaja terdapat tidak kurang daripada sepuluh kaum peribumi, manakala di Sabah pula terdapat 23 suku peribumi. Situasi ini telah menarik minat penyelidik supaya mengkaji sama ada buku-buku teks mencerminkan budaya etnik bumiputra Melayu yang terdapat di Sabah dan Sarawak, antaranya termasuklah budaya orang Bajau, Kadazan, Iban, Murut, Dayak, Bidayuh, Suluk, Bisaya, Iranun, Obian, Simunul, Binadan dan sebagainya yang digolongkan dalam kumpulan lain-lain budaya.

Pengaruh luar terutamanya yang berhubung kait dengan gejala-gejala modenisasi juga telah meresap ke dalam jiwa dan pemikiran individu dan masyarakat berbagai-bagai kaum di negara ini. Akibatnya lahirlah satu rupa bangsa Malaysia yang cukup istimewa dan serba unik. Tambahan pula Malaysia mempunyai hubungan dalam segala aspek dengan dunia luar tidak kira seagama mahupun berlainan agama, tidak kira di timur mahupun di barat, maka amatlah wajar sekiranya kita mengetahui dan memahami budaya masyarakat luar Malaysia demi mewujudkan persefahaman dan perpaduan dengan masyarakat antarabangsa.

Selain apa yang disebut di atas, Malaysia juga mempunyai hubungan ekonomi, politik, mahupun sosial dengan negara-negara luar, adalah penting bagi rakyat Malaysia mengetahui asas-asas budaya asing. Pemahaman ini membolehkan kita berkomunikasi dengan orang-orang

asing dengan lebih baik lagi, bak kata pepatah Melayu 'masuk kandang kambing mengembik, masuk kandang kerbau menguak'. Dengan itu pengkaji juga ingin melihat sama ada buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 memaparkan budaya luar seperti budaya barat, budaya timur, budaya timur tengah, budaya Eskimo dan lain-lain budaya di dunia ini.

Pengkaji juga ingin melihat adakah terdapat keseimbangan di antara unsur-unsur budaya dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Tumpuan akan diberi kepada unsur-unsur budaya yang bercorak material dan bukan material seperti yang dijelaskan oleh A. Aziz Deraman (1994), iaitu:

Budaya material adalah segala perlakuan yang lahir yang berupa alat-alat yang dicipta oleh manusia yang berbentuk objek-objek tertentu, jelas dan nyata seperti rumah, peralatan hidup, senjata dan lain-lain yang juga dikenali sebagai atifak. Budaya bukan material ialah sesuatu yang tidak bercorak mata benda, berbentuk abstrak dan spiritual seperti kepercayaan, moral, adat dan lain-lain dikenali sebagai mantifik. (hlm. 11)

Bagi kajian ini, definisi pendidikan pelbagai budaya juga dipetik daripada buku *Primitive Culture* yang dihasilkan oleh seorang ahli antropologi barat yang bernama Tylor (1871):

Kebudayaan adalah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan apa juga kebolehan serta kebiasaan yang didapati oleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat.

(hlm. 2)

Berdasarkan komponen-komponen budaya yang diutarakan oleh A. Aziz Deraman (1994) dan definisi yang dikemukakan oleh sarjana barat iaitu, Tylor (1871), pengkaji telah menyenaraikan unsur-unsur budaya kepada komponen-komponen yang berikut, iaitu: (a) adat, (b) agama, (c) bahasa, (d) bangsa, (e) bangunan, (f) gender, (g) hubungan luar, (h) komunikasi, (i) makanan, (j) masalah sosial, (k) pakaian, (l) patriotik, (m) pekerjaan, (n) pemikiran, (o) pendidikan, (p) pengangkutan, (q) peralatan, (r) perhiasan, (s) seni muzik, (t) seni sastera, (u) seni tenun, (v) seni ukir, dan (w) sejarah.

Kajian ini seterusnya ingin meninjau ilustrasi dan gambar yang terdapat dalam buku teks yang dikaji. Penyelidik ingin melihat peratusan ilustrasi dan gambar yang mencerminkan pendidikan pelbagai budaya berbanding dengan jumlah keseluruhan. Ilustrasi-ilustrasi yang dimaksudkan termasuklah gambar, gambarfoto, carta, graf dan gambarrajah yang boleh dianggap sebagai sejenis teks yang berkesan dalam mempengaruhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Duchastel (1981) menjelaskan ilustrasi dalam buku teks berperanan sebagai 'an attentional role'. Ini adalah kerana ilustrasi boleh menambahkan minat dan motivasi terhadap teks yang dibaca. Ilustrasi juga dikatakan boleh menjelaskan lagi sesetengah aspek dalam memahami perhubungan yang kompleks. Lebih daripada itu ilustrasi yang baik akan memberi kesan daya ingatan yang lebih lama daripada ayat-ayat yang bercetak sahaja.

Akhir sekali pengkaji ingin melihat peratusan petikan kepelbagaian budaya dalam teks berdasarkan pembahagian yang berikut:

- (a) Petikan membaca dan memahami
- (b) Petikan mendengar dan bertutur
- (c) Petikan menulis
- (d) Petikan bacaan luas

Pernyataan Masalah

Tujuan mencapai kemerdekaan adalah untuk membebaskan negara daripada cengkaman penjajah. Penduduk berbilang kaum yang tinggal di negara ini pula, diharapkan dapat hidup dalam suasana yang harmoni. Akan tetapi, bumi Malaysia merupakan masyarakat majmuk. Di Semenanjung terdapat tiga kaum terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India. Di Sarawak terdapat tidak kurang daripada sepuluh kaum atau peribumi, sementara kaum Cina terbahagi kepada beberapa kumpulan loghat atau dialek.

Di Sabah pula, terdapat 23 suku peribumi. Secara ringkasnya, kalau orang-orang asing yang telah menetap di Malaysia diambil kira, negara kita mengandungi lebih kurang 30 suku kaum. Maka tidak hairanlah kalau soal perkauman itu selalu rumit dan dari semasa ke semasa menjadi-jadi di negara ini.

Masyarakat majmuk yang terdiri daripada kaum-kaum tertentu itu mempunyai atau mempertahankan kemahuan, kelekaan, kecenderungan, kepercayaan dan keyakinan masing-masing. Kalau-lah tiap-tiap suku kaum mempunyai satu kemahuan, ini bererti masyarakat majmuk kita mempunyai tidak kurang daripada 30 kemahuan tersendiri pada satu masa. Sesungguhnya begitu rumit, dan kita akan menghadapi dilema besar.

Dalam pada itulah berlakunya peristiwa 13 Mei yang telah memberi pengajaran bahawa setiap rakyat mestilah menghormati satu sama lain. Perasaan curiga mencurigai akan terus kekal jika tidak ada perasaan hormat menghormati, persefahaman dan toleransi antara masyarakat dan anggotanya. Masalah perkauman tidak selamanya dapat dipandang ringan. Dengan itu, dasar perpaduan bagi mengekalkan kedamaian serta keharmonian di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini amat diperlukan.

Kita tidak ingin melahirkan bangsa Malaysia yang berpecah belah, yang mempunyai nilai dan norma kehidupan yang bercanggah, yang masih berbelah bagi

ketaatsetiaannya. Kita juga tidak mahu melahirkan generasi yang masih mempunyai sumber-sumber kefahaman yang tidak serasi dengan pembinaan masyarakat Malaysia yang harmoni. Sesungguhnya kita mahu mewujudkan keseragaman dalam kehidupan sehari-hari agar rakyat Malaysia maju ke depan sebagai bangsa yang dihormati.

Kita tidak boleh membiarkan diri kita dipedaya oleh musuh perpaduan yang menggunakan isu perkauman sempit, budaya atau agama untuk mengelirukan pandangan ramai. Bahkan pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, yang mencakupi bidang politik, ekonomi dan kebudayaan telah pun wujud persefahaman dan toleransi di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Peristiwa 13 Mei telah mendesak kita mencari persefahaman, persetujuan dan titik pertemuan ke arah perpaduan. Kita harus mengarahkan semua usaha menuju kepada titik-titik pertemuan ini. Salah satu caranya ialah melalui proses asimilasi, iaitu suatu proses penyerapan budaya secara semulajadi dan tanpa paksaan yang berlaku akibat daripada pertembungan pelbagai budaya. Tugas kita sekarang adalah usaha berterusan bagi mencari sebanyak mungkin titik pertemuan.

Jadi, kita tiada pilihan melainkan meneruskan usaha memupuk perpaduan negara sehingga lebih berjaya. Kalau di kalangan masyarakat tidak ada perpaduan pada keseluruhannya, mustahil kita berjaya mengekalkan kemerdekaan yang kita kecapi sehingga hari ini. Demikian

pula, kalau perpaduan tidak wujud dalam rangka yang memadai, masyarakat majmuk di Malaysia pada hari ini tidak dapat hidup dengan harmoni dalam erti kata yang sebenarnya, lebih malang lagi kita tidak dapat mengatasi cabaran-cabaran yang berbagai rupa dari dalam dan luar negeri.

Pendidikan pelbagai budaya merupakan langkah awal untuk memupuk perpaduan. Pendedahan ini harus bermula semenjak seseorang itu masih berada di bangku sekolah lagi. Usaha ini harus dititikberatkan supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama. Buku teks yang digunakan oleh para pelajar sekolah mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan pendidikan pelbagai budaya.

Spiegel dan Wright (1984) yang telah mengenal pasti persepsi guru terhadap peranan buku teks dalam aktiviti pengajaran dan pemelajaran membuat kesimpulan bahawa:

The most important function
of...textbook is to provide content
input to the students...if the content
is accurate, up to date, and
attractively presented, learning will
occur. (hlm. 627)

Berhubung dengan penulisan dan penerbitan buku teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, pihak Kementerian Pendidikan (1987) telah menggariskan panduan kepada penulis-penulis dan penerbit-penerbit buku teks dengan menyatakan:

Oleh itu pengolahan buku teks untuk digunakan oleh guru dan para pelajar perlulah mempunyai mutu yang tinggi dalam aspek yang berkaitan dengannya sama ada dari segi isi dan kandungan, bentuk dan format, mahupun teknik dan fizikal. (hlm. 1)

Kepentingan dan keperluan buku teks dalam pendidikan ditegaskan oleh Mohd. Jonit dan Arpan Shahbudin (1995). Kepentingan buku teks dapat dirasai oleh pelajar, guru, dan ibu bapa, kerana tanpa kehadiran buku teks, agak sukar bagi guru untuk menyampaikan pelajaran, manakala pelajar pula agak sukar untuk mengikuti mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka. Isi kandungan buku teks yang terpilih biasanya mengandungi fakta yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran dan juga peperiksaan, dan buku-buku teks tersebut lumrahnya disediakan oleh guru-guru yang berkelayakan, berpengalaman dan lazimnya pernah memeriksa kertas jawapan pelajar bagi mata pelajaran yang berkenaan dalam peperiksaan awam.

Gollnick dan Chinn (1990) pula, menjelaskan:

...Thus educators todays are faced with an overwhelming challenge to prepare students from diverse cultural backgrounds to live in a rapidly changing society and world in which some group have greater societal benefits than others because of their race, sex, socioeconomic level, religion, lack of disability, or age. (hlm. 31)

Kehidupan dalam negara yang berbilang kaum dan berbilang budaya akan menyebabkan lahirnya permintaan

terhadap buku teks yang dapat memenuhi kehendak masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya itu.

Buku teks penting sebagai alat pendidikan. Di samping itu buku teks juga penting untuk pembentukan peribadi, moral dan nilai hidup. Mohamad Harun (1982) dalam kajiananya yang ingin melihat kegemaran membaca di kalangan pelajar mendapati bahawa pelajar-pelajar memberi perhatian yang utama kepada buku-buku teks berbanding dengan buku-buku cerita yang lain. Murid-murid lebih banyak membaca buku-buku pelajaran atau buku-buku yang ada kaitan dengan peperiksaan.

Buku teks sememangnya memberi sumbangan yang banyak dalam mempengaruhi proses pengajaran dan pemelajaran dalam bilik darjah. Starr (1989) pula, menyatakan 90% daripada aktiviti pengajaran dan pemelajaran di dalam kelas dikawal oleh buku teks. Buku teks merupakan landasan yang perlu dijadikan garis panduan oleh pendidik supaya segala bentuk aktiviti dalam kelas tidak menyimpang daripada kehendak Sukatan Pelajaran.

Sekiranya buku teks dapat menyediakan isi kandungan yang dapat memenuhi keperluan pelajar, bermakna buku tersebut dapat diterima sebagai buku teks yang baik, yakni buku yang dapat melahirkan aktiviti pengajaran dan pemelajaran yang baik. Bolehlah disimpulkan bahawa buku teks mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk sifat, sikap, nilai serta unsur-unsur sahsiah dalam diri pelajar-pelajar.

Beberapa persoalan yang berkaitan dengan buku teks telah dikemukakan. Menurut Gwynn (1960), persoalan-persoalan yang sering mendapat perhatian yang besar antaranya ialah kandungan buku teks dan ilustrasi yang tidak kemas kini, teks yang tidak memberi gambaran atau penjelasan yang sebenar tentang situasi yang berlaku dalam masyarakat, sejarahnya, adat resamnya, dan teks juga gagal mengendalikan isu-isu dan tajuk-tajuk yang kontroversi dengan baik.

Malaysia terdiri daripada berbagai bahasa, berbagai kaum, berbagai etnik dan berbagai budaya. Dengan demikian, adalah penting jika perhatian khusus diberi kepada soal pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu. Malangnya masih terdapat individu yang masih tidak memahami budaya kaum lain. Situasi ini amatlah ketara apabila terdapat etnik lain yang melanggar peraturan sosial sesuatu kaum semasa berinteraksi.

Timbulnya masalah-masalah yang berkaitan dengan interaksi dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia mendorong pengkaji membuat satu penyelidikan terhadap buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, masalah ini timbul ekoran daripada kurangnya pengetahuan kepelbagaian budaya. Kajian ini akan meninjau unsur-unsur budaya pelbagai kaum sama ada dalam negara mahu pun di luar negara. Hasil penyelidikan ini nanti akan memperlihatkan cerminan pendidikan pelbagai budaya yang terdapat dalam buku teks yang dikaji dan sama ada buku

teks ini mampu dijadikan sebagai panduan rujukan untuk pelajar-pelajar Tingkatan 3 yang berbilang kaum dan berbilang budaya di negara ini.

Soalan-Soalan Kajian

- (1) Sejauhmanakah terdapat budaya kaum yang berikut dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 ?
 - (a) Budaya Melayu
 - (b) Budaya Cina
 - (c) Budaya India
 - (d) Budaya lain-lain
 - (e) Budaya asing
 - (f) Budaya universal
- (2) Sejauhmanakah terdapat keseimbangan unsur-unsur budaya kaum yang berikut dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 ?
 - (a) Unsur budaya Melayu
 - (b) Unsur budaya Cina
 - (c) Unsur budaya India
 - (d) Unsur budaya lain-lain
 - (e) Unsur budaya asing
 - (f) Unsur budaya universal
- (3) Adakah terdapat kepelbagaiannya budaya dalam gambar dan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 ?

- (4) Sejauhmanakah terdapat kepelbagaian unsur-unsur budaya setiap kaum dalam petikan-petikan yang berikut ?
- (a) Petikan mendengar dan bertutur
 - (b) Petikan membaca dan memahami
 - (c) Petikan menulis
 - (d) Petikan bacaan luas

Kepentingan Kajian

Kajian ini dipilih kerana kepentingan pendidikan. Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk memberi pengalaman yang baru kepada para pelajar dan memberi pendedahan kepada mereka wujudnya pelbagai budaya di dalam negara mahupun di luar negara. Para pelajar haruslah didedahkan dengan kepelbagaian budaya bukan setakat perbezaan etnik, linguistik, budaya, dan gender, malahan jauh lebih dari itu seperti, perbezaan kelas sosial.

Soal pemupukan kebudayaan bukanlah satu hal yang boleh 'disumbat-sumbat' begitu saja dalam sekelip mata. Kita perlu menanam dan merasai satu kejiwaan yang sama terhadap negara kita, Malaysia. Ini pula didasarkan kepada sikap, nilai dan kepercayaan kita. Buku teks merupakan wadah yang penting untuk memupuk perpaduan yang kita cita-citakan ini.

Safiah Osman (1992) menegaskan, sekiranya hasrat kita ialah untuk membantu pelajar-pelajar memahami pelbagai budaya, maka kita perlu menyediakan bahan bacaan yang boleh menarik perhatian mereka:

If we are going to read literature to our students with the intent of helping them understand and appreciate many different cultures, then we must be sure to give them books that will intrigue them, stories that will excite them, characters that will call to them "Come in, take a walk in my shoes, see how my feelings are like yours". Only then will our students have opportunity for an emotional connection with the diverse cultures represented in the books they read.

(hlm. 8)

Sekiranya kita ingin memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang wujudnya kepelbagaian budaya dalam masyarakat kita, maka kita perlu menyediakan bahan yang boleh membangkitkan perasaan ingin tahu pelajar terhadap keistimewaan budaya kaum lain. Bahan pengajaran yang menarik ini seterusnya akan mengajak para pelajar turut menghargai pelbagai budaya yang terdapat dalam masyarakatnya.

Kajian ini diharapkan akan dapat memberi garis panduan kepada perancang kurikulum, penulis buku teks dan para pendidik agar menyediakan suasana dan mengamalkan pendidikan budaya dalam bilik darjah.

Safiah Osman (1992) menegaskan lagi:

All of us need bridges to other people and what better way to start than to read and keep reading about each other's custom, festivals, traditions, folktales, legends, songs, music and dance. (hlm 7)

Pendidikan pelbagai budaya tidak wajar dipinggirkan dalam pendidikan pada hari ini. Kefahaman terhadap adat resam, perayaan, tradisi, cerita-cerita rakyat, legenda, muzik, tarian dan lain-lain perlakuan komuniti lain, seseorang itu mampu berkomunikasi secara harmoni dengan berbagai-bagai kaum terutamanya kaum-kaum yang terdapat di Malaysia.

Pendidikan pelbagai budaya perlu bagi meluaskan pengetahuan dan pandangan serta sikap keterbukaan pelajar-pelajar. Baru-baru ini Menteri Pendidikan Malaysia, iaitu Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak (1997) menjelaskan walaupun Malaysia ialah sebuah negara yang agama rasminya Islam, kerajaan juga mengambilkira faktor-faktor masyarakat berbilang kaum dan agama. Selaras itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengarahkan semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menjalankan kursus baru yang dinamakan "Pengajian tamadun Islam dan tamadun-tamadun Asia". Tamadun-tamadun Asia yang utama ialah tamadun Melayu, China, India dan Jepun. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar IPTA supaya faham dan prihatin tentang tamadun Islam dan beberapa tamadun lain yang ada di rantau ini, seterusnya mewujudkan sikap

keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tersebut sesuai dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Pendidikan terhadap budaya asing seperti budaya di barat, budaya di timur tengah, mahupun di mana-mana sudut di dunia ini penting agar kita tidak melanggar peraturan-peraturan sosial kaum lain semasa berkomunikasi demi mewujudkan keamanan yang sejagat dalam erti kata yang sebenar.

Bagi pihak perancang kurikulum dan pengubal soalan peperiksaan pula, kajian ini mungkin berguna untuk dijadikan garis panduan dalam semakan dan penggubalan Sukatan Pelajaran serta format soalan peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 3.

Asmah Omar (1992), menjelaskan bahawa pendidikan pelbagai budaya membolehkan seseorang itu lebih memahami budaya sesuatu bangsa. Kejahanilan dalam kebudayaan selalu menimbulkan kesalahan dalam penggunaan Bahasa Melayu. Ada kata-kata yang penuh dengan unsur kebudayaan yang salah digunakan, contohnya seorang jurujual di kedai-kedai suka memanggil wanita sebagai 'kakak' atau 'makcik', walaupun wanita itu lebih muda usia daripadanya. Ini menunjukkan penutur itu tidak faham pengertian kata-kata itu dalam konteks kebudayaan Melayu. Dengan itu bolehlah ditegaskan bahawa kecekapan seseorang itu berkomunikasi bukan sahaja terletak pada

penggunaan ayat yang betul dari segi tatabahasanya, tetapi juga mestilah sesuai dalam konteks budaya sesuatu masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut. (Hymes, 1971). Bahasa haruslah digunakan dalam konteks yang lebih bermakna supaya apa yang ingin disampaikan menepati maksud dalam erti kata yang sebenar. (Richard dan Rogers, 1986).

Pendidikan pelbagai budaya perlu untuk membantu para pelajar memahami kepelbagaian budaya yang ada di negara ini. Matlamat pendidikan haruslah mampu memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang wujudnya pelbagai budaya dalam masyarakatnya serta terdapat pula persamaan-persamaan dalam budaya yang berbagai-bagai itu.

Secara keseluruhannya pendidikan pelbagai budaya merupakan satu strategi dan merupakan satu perspektif baru untuk memahami budaya pelajar-pelajar dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Ini untuk menggalakkan para pelajar itu menggunakan sesuatu bahasa dengan tidak melanggar norma-norma atau peraturan berbahasa yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut. Dengan itu hubungan yang lebih harmoni dapat diwujudkan semasa berinteraksi.

Kajian ini akan memberi faedah kepada pendidik yang akan berhadapan dengan pelajar yang berbagai kaum dan berbagai budaya. Kajian ini boleh meningkatkan kecekapan komunikasi seseorang pendidik. Ini kerana seseorang

pendidik itu akan menggunakan pengetahuan kepelbagaian budaya yang ada dan disesuaikan dengan konteks sesuatu budaya yang dihadapinya. (Savignon, 1978).

Dalam usaha untuk mencapai matlamat pendidikan pelbagai budaya, guru harus memainkan peranan yang penting dalam merangsang dan mencetuskan jiwa pelajar agar lebih menghayati kepelbagaian budaya dalam masyarakat yang berbilang kaum. Safiah Osman (1992) menegaskan bahawa:

Teachers, then, should remind themselves that they can do a great deal in helping their students take those few steps towards better cultural understanding. (hlm. 5)

Dapatlah dirumuskan bahawa pendidikan pelbagai budaya adalah penting bagi sesebuah negara yang membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Langkah ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa (nation) yang bersatu padu, ke arah mewujud dan mengekalkan identiti negara dan meningkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian secara keseluruhannya.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 3 sahaja. Dengan itu kajian ini tidak boleh mewakili semua buku teks yang digunakan dalam tingkatan yang lain.

Oleh kerana Biro Buku Teks menetapkan hanya sebuah buku teks sahaja yang dibenarkan digunakan sebagai buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, maka pengkaji hanya mengambil satu buku teks sahaja dalam kajian, iaitu:

Tajuk : Bahasa Malaysia Tingkatan 3
Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
Pengarang : Mohd. Asraf Abdul Wahab
Awang Sariyan
Mohd. Dahalan Mohd. Ramli
Ramlah Shahari
Siti Jaharah Yop
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka
Tahun : 1989